



MINI TRAILER SEBAGUNA

INOVASI 2018

KTS ZON KELANTAN

Tajuk Projek

Mini Trailer Serbaguna

Pengenalan

Trailer yang ditarik dengan kenderaan Pacuan Empat Roda atau kereta biasa sering kita lihat untuk pengangkutan ternakan (Kuda & Ruminan Besar) bagi tujuan pemindahan dari satu tempat ke satu tempat yang lain dengan pelbagai tujuan . Ada kalanya untuk pengangkutan bahan-bahan makanan ternakan. Pada tahun 2013, timbul idea dari Kumpulan kami untuk mempelbagaikan penggunaan alatan ini bagi membantu dan memudahkan urusan kerja dilapangan.

Latar Belakang Projek

Alatan ini bersaiz 5' kaki lebar dan 9 kaki panjang , mempunyai empat roda yang kuat . Ianya berkonsepkan mudah alih . Komponen utama atau K Faktor ialah travis dalaman boleh laras yang dicipta sebegini rupa untuk mengekang ternakan ruminan besar dan kecil pelbagai saiz. Travis ini boleh dirapatkan ke dinding trailer untuk memberi ruang yang cukup bagi tujuan lain. Sebuah pelantaian besi (Platform) dari besi juga dibuat secara binaan dalam untuk tujuan penimbangan ternakan. Untuk tujuan kebajikan ternakan bahagian sisi dalam mini trailer ini lengkap dengan lapisan kusyen khas untuk mengelakkan kecederaan kepada ternakan. Ruangan kerja juga mencukupi mengelak risiko kecederaan kepada manusia. Bumbung pasang siap daripada kanvas yang kukuh disediakan . Dilengkapi sistem brek dan lampu keselamatan supaya selamat digunakan di jalanraya.

Lapisan lantai dilengkapkan dengan lapisan getah untuk elakan kegelinciran ternakan manakala dinding bahagian dalam di lapisi aluminium khas. Untuk memudahkan kerja pembersihan dan suci hama.

Kegunaan

1. Travis boleh laras dan alatan bina dalaman boleh digunakan untuk pengurusan ternakan seperti Pemeriksaan Kebuntingan ,Permanian Beradas, Daya Biak, Timbang, Tagging, Rawatan, Suntikan Vaksin , Pemberian ubat cacing dan lain lain.
2. Pengangkutan ternakan , alatan dan makanan ternakan
3. Pengangkutan Pekerja atau Staf Jabatan dilapangan

Isu / Permasalahan Projek / sebab projek dilaksanakan

Antara sebab utama kumpulan kami berfikir untuk membuat inovasi ini ialah

1. Kesukaran untuk meminjam pengangkutan (Lori atau Van) dari Unit lain di JPV apabila diperlukan
2. Kekekangan bajet , sukar untuk mendapatkan lori atau Van sendiri
3. Ketidaaan peruntukan yang cukup untuk menyewa kenderaan pengangkutan
4. Banyak laluan masuk ke premis projek ternakan tidak sesuai dengan kenderaan besar (Lori)
5. Kemudahan asas penternak (Celung/Travis/Gal) tidak sempurna dan kadang kadang tidak memenuhi spesifikasi yang sepatutnya.

Matlamat Projek

Menjadikan kerja harian dilapangan lebih mudah, cepat dan selamat serta mempelbagaikan penggunaan daripada peralatan yang sama

Inovasi sebelum dan selepas projek

Output/Outcome/Impak Projek

1. Kerja harian dapat dilaksanakan lebih cepat dan mengikut perancangan
2. Menjimatkan masa di lapangan
3. Keselamatan Pekerja lebih baik
4. Tempat kerja yang lebih hygenic
5. Tahap kebijakan ternakan lebih terjamin

Gambar / Illustrasi sebelum / selepas pelaksanaan projek dan gambar yang berkaitan



Kumpulan Inovasi KTS Kelantan





Pemeriksaan Kebuntingan dan AI



Rawatan



Penimbangan

Ternakan





Program Kesihatan Gerompok



Pengangkutan Foder

